



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijeipc.com](http://www.ijeipc.com)



GAYA ASUHAN IBU BAPA BERPENDAPATAN RENDAH  
TERHADAP GEJALA PONTENG DALAM KALANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH

*PARENTING STYLES OF LOW-INCOME PARENTS AGAINST TRUANCY  
SYMPTOMS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS*

Liza Saad<sup>1\*</sup>, Nizam Hamid<sup>2</sup>, Noraidah Sani<sup>3</sup>, Ummu Athilia Kamal<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Department of Physical Education and Health, Perlis Campus Teacher Education Institute, Jalan Behor Pulau, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Email: [lizasaad@ipgm.edu.my](mailto:lizasaad@ipgm.edu.my)

<sup>2</sup> Department of Malay Studies, Perlis Campus Teacher Education Institute, Jalan Behor Pulau, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Email: [nizam.hamid@ipgm.edu.my](mailto:nizam.hamid@ipgm.edu.my)

<sup>3</sup> Guidance and Counselling Unit, Perlis Campus Teacher Education Institute, Jalan Behor Pulau, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Email: [noraidah.sani@ipgm.edu.my](mailto:noraidah.sani@ipgm.edu.my)

<sup>4</sup> Faculty of Business Management, Mara University of Technology Perlis Branch, Arau Campus, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

Email: [uathilia@gmail.com](mailto:uathilia@gmail.com)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.03.2023

Revised date: 19.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

**To cite this document:**

Saad, L., Hamid, N., Sani, N., & Kamal, U. A. (2023). Gaya Asuhan Ibu Bapa Berpendapatan Rendah Terhadap Gejala Ponteng Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 561-576.

**Abstrak:**

Tujuan utama kajian ini adalah mengkaji pengaruh gaya asuhan ibu bapa terhadap gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Sejumlah N=303 (lelaki, n=142 dan perempuan, n=161) murid dari 13 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada mereka yang mencatatkan kehadiran ke sekolah di bawah min 83.24 peratus kehadiran untuk tempoh setahun (Mac 2022 – Februari 2023). Selain itu, ibu bapa mereka adalah berpendapatan rendah (B40). Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik PAQ (*Parental Authority Question*). Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis jantina dan tahap bagi setiap gaya asuhan ibu bapa. Statistik inferensi iaitu regresi linear berganda digunakan untuk menganalisis gaya asuhan ibu bapa yang paling dominan dan signifikan terhadap gejala ponteng sekolah. Dapatan menunjukkan gaya asuhan autoritarian berada pada tahap tinggi (M=3.47, SP=0.66) adalah lebih

DOI: 10.35631/IJEPC.850040

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

dominan berbanding gaya asuhan autoritatif pada tahap sederhana ( $M=2.76$ ,  $SP=0.68$ ) dan gaya asuhan permisif pada tahap rendah ( $M=2.33$ ,  $SP=0.75$ ). Dalam pada itu, analisis regresi linear berganda mendapati bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritatif ( $r=0.68$ ) dan gaya asuhan permisif ( $r=0.86$ ) mempunyai hubungan yang kuat serta signifikan dengan gejala ponteng sekolah. Sebaliknya, hubungan pemboleh ubah bersandar iaitu ponteng dengan pemboleh ubah bebas gaya asuhan autoritarian menunjukkan hubungan negatif yang lemah ( $r=0.29$ ). Dengan demikian, pihak sekolah khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil kira faktor ibu bapa di dalam merancang segala program atau intervensi pencegahan gejala ponteng dalam kalangan murid sekolah.

**Kata Kunci:**

Gaya Asuhan, Ibu Bapa, Berpendapatan Rendah, Ponteng, Sekolah Menengah

**Abstract:**

The main purpose of this study is to examine the influence of parenting styles on the issue of school truancy among secondary school students in the state of Perlis. A total of  $N=303$  (male,  $n=142$  and female,  $n=161$ ) students from 13 National Secondary Schools (SMK) participated in this study. The study sample consisted of those who recorded school attendance below the mean of 83.24 percent attendance for a period of one year (March 2022 – February 2023). In addition, their parents are low-income (B40). The research instrument used in this study is the PAQ questionnaire (Parental Authority Question). Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean and standard deviation were used to analyze the gender and level of each parenting style. Inferential statistics, namely multiple linear regression, was used to analyze the most dominant and significant parenting style of school truancy. Findings show that the authoritarian parenting style at a high level ( $M=3.47$ ,  $SP=0.66$ ) is more dominant than the authoritative parenting style at a medium level ( $M=2.76$ ,  $SP=0.68$ ), and the permissive parenting style at a low level ( $M=2.33$ ,  $SP=0.75$ ). In the meantime, multiple linear regression analysis found that the authoritative parenting style ( $r=0.68$ ) and permissive parenting style ( $r=0.86$ ) have a strong and significant relationship with the symptoms of school truancy. On the other hand, the relationship between the dependent variable i.e. truancy, and the independent variable authoritarian parenting style shows a weak negative relationship ( $r=0.29$ ). Thus, the school, especially the Malaysian Ministry of Education, needs to take into account the parental factor in planning all programs or interventions to prevent truancy among school students.

**Keywords:**

Parenting Style, Authoritative, Authoritarian, Permissive, Secondary School, Truancy

**Pengenalan**

Ponteng sekolah adalah salah laku disiplin murid yang telah berlaku sekian lama dalam dunia pendidikan dan mencatatkan rekod salah laku yang tertinggi berbanding salah laku disiplin yang lain. Selain itu, data menunjukkan gejala ponteng murid sekolah menengah semakin meningkat dan menjadi semakin serius sekiranya tidak dikawal. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan buku Panduan bagi Mengatasi

Masalah Ponteng Sekolah pada tahun 1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995 Menangani Masalah Ponteng Sekolah (KPM, 1995). Kajian lampau melaporkan terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah dan antaranya adalah faktor persekitaran sekolah (Saidi, 2010), pengaruh rakan sebaya (Berten & Rossem, 2015; Dahl, 2016), faktor tekanan hidup, sumber sosial serta kesejahteraan spiritual (Hashim, 2016), dan faktor keluarga (Breda, 2014; Donkor, 2015; Saleh & Saidi, 2015; Gase, Defosset, Perry & Kuo, 2016).

Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyumbang terhadap gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid, namun antara faktor yang sering dikaitkan dengan gejala ini adalah faktor keluarga. Salah satu daripada faktor-faktor keluarga ini yang dikenal pasti sebagai gaya asuhan ibu bapa yang diguna pakai oleh ibu bapa untuk mengasuh anak-anaknya. Gaya asuhan ibu bapa merupakan faktor utama dalam membentuk perkembangan kanak-kanak, kerana ia mempengaruhi tingkah laku, sikap dan prestasi akademik kanak-kanak. Cara ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak mereka boleh memberi kesan yang berkekalan terhadap kesejahteraan dan kejayaan mereka dalam hidup. Khususnya, gaya asuhan ibu bapa telah ditunjukkan berkaitan dengan beberapa tingkah laku, termasuk ponteng sekolah. Sehubungan dengan itu, gaya asuhan ibu bapa adalah salah satu pemboleh ubah yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji (Bezrukova & Samoylova, 2015; Chand & Campus, 2012; Donoghue, 2011; Murtiyani, 2011; Smith, Kirchner, Higgins & Khey, 2011), yang berkaitan dengan gejala ponteng sekolah. Namun, dapatan kajian mungkin berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor lain seperti budaya, cara hidup dan demografi yang berbeza.

Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa berpendapatan rendah dengan ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Secara khusus, kajian ini akan menggunakan Soal Selidik *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) untuk mengklasifikasikan ibu bapa kepada tiga gaya asuhan ibu bapa yang berbeza: autoritatif, autoritarian, dan permisif.

### **Penyataan Masalah**

Gejala ponteng sekolah semakin membimbangkan ramai ibu bapa, pendidik dan penggubal dasar, kerana ia boleh membawa pelbagai akibat negatif kepada kanak-kanak dan remaja. Walaupun isu ini dianggap penting tetapi hanya sedikit sahaja diketahui tentang punca asas ponteng sekolah, dan beberapa dapatan kajian mendapati wujud peranan gaya asuhan ibu bapa dalam tingkah laku ini. Penyelidikan sebelum ini telah menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa boleh memberi kesan yang signifikan terhadap tingkah laku, sikap dan prestasi akademik murid-murid sekolah, tetapi lebih banyak kajian diperlukan untuk memahami hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan ponteng sekolah secara khusus.

Peranan ibu bapa dalam mendidik anak dapat di lihat melalui gaya asuhannya. Menurut Baumrind (1975) terdapat tiga gaya asuhan iaitu autoritatif, permisif dan autoritarian. Selain daripada itu faktor lain yang dikatakan menyumbang secara tidak langsung terhadap gejala ponteng sekolah oleh seseorang murid adalah disebabkan oleh faktor tekanan hidup seperti kemiskinan (Hashim, 2016). Ibu bapa dari pelajar yang miskin cenderung bersikap autoritarian terhadap anak mereka agar masa depan anak atau pelajar tidak seperti ibu bapa (Bezrukova & Samoylova, 2015).

Beberapa penemuan kajian hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah akan dibincangkan. Sehubungan dengan itu, Abdul Halim Othman dan Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri (2015) dalam kajiannya terhadap 389 murid sekolah menengah di Pulau Pinang mendapati bahawa gaya asuhan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap ponteng sekolah. Sehubungan dengan itu kajian Nor, Saad, & Ismail, (2016) di Malaysia menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritatif adalah signifikan terhadap ponteng sekolah. Dalam kajian seterusnya, mendapati bahawa gaya asuhan autoritatif dan pesimif mempunyai pengaruh yang lebih tinggi berbanding demokratik (Nor Shahrina Mohd Rafie & Shafie Mohd Daud, 2019). Manakala kajian Arshad Abdul Aziz dan Sharul Nizam Yahaya (2020), terhadap 283 murid sekolah menengah di Negeri Kelantan juga menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritatif dan pesimif lebih tinggi dalam mempengaruhi gejala ponteng. Dikukuhkan lagi oleh Alias, Mahmood, & Ibrahim, (2020) juga menemukan bahawa gaya asuhan demokratik memiliki hubungan negatif dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa gaya asuhan demokratik dapat mengurangkan tahap ponteng sekolah dalam kalangan murid.

Kajian Asri dan Ramli (2020) yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada 400 pelajar sekolah menengah di Malaysia juga melaporkan bahawa terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian dengan isu ponteng sekolah. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa berpendapatan rendah dengan ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Dengan meneroka hubungan antara kedua-dua faktor ini, kajian ini bertujuan untuk membina kajian terdahulu tentang kesan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku murid-murid dan memberi penerangan tentang peranan gaya asuhan ibu bapa dalam menjelaskan masalah ponteng sekolah.

Kajian akan menggunakan Soal Selidik *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) untuk mengklasifikasikan ibu bapa kepada tiga gaya asuhan ibu bapa yang berbeza: autoritatif, permisif dan autoritarian. Seterusnya, data tinjauan ini digunakan untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan ponteng sekolah, dalam masa yang sama mengawal faktor lain yang mungkin mempengaruhi tingkah laku ponteng sekolah ini. Dapatan kajian ini akan menyumbang kepada pemahaman kita tentang hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan ponteng sekolah dan akan memberikan pandangan yang berharga untuk menangani isu penting ini. Kajian mengintegrasikan kajian lepas tentang gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik, kajian ini akan menawarkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang peranan gaya asuhan ibu bapa dalam membentuk penglibatan dan kejayaan akademik anak-anak.

Seperti negara-negara lain di dunia, masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid merupakan antara masalah utama di dalam dunia pendidikan dan masih lagi merupakan antara topik perbualan yang agak hangat di beberapa buah negara Asia termasuk juga negara Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyumbang terhadap perlakuan ponteng sekolah oleh murid, namun antara faktor yang sering dikaitkan dengan gejala ini ialah faktor keluarga. Persoalannya adakah perkara yang sama (faktor gaya asuhan) berlaku di negara yang berbeza khususnya di negara Asia? Seperti yang telah dinyatakan oleh Donkor (2015) di dalam kajian beliau, walaupun dapatan kajian mungkin berbeza disebabkan oleh pelbagai faktor lain seperti budaya, cara hidup dan demografi yang berbeza.

## Kajian Literatur

Kajian Literatur dibincang berdasarkan pada Jadual 1.

**Jadual 1: Ringkasan Perbincangan Kajian Literatur**

| Kajian Literatur                                    |
|-----------------------------------------------------|
| i. Teori Pembelajaran Sosial                        |
| ii. Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Gejala Ponteng Sekolah |
| iii. Gaya Asuhan Autoritatif                        |
| iv. Gaya Asuhan Autoritarian                        |
| v. Gaya Asuhan Permisif                             |

### ***Teori Pembelajaran Sosial***

Teori pembelajaran sosial dipopularkan oleh Bandura (1977) dan beliau menefinisikan teori pembelajaran sosial sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Menurut Bandura, (1977) seseorang akan memerhatikan tingkah laku orang lain kemudian menyimpan informasi tersebut secara kognitif dan seterusnya akan mengaplikasikan informasi tersebut dalam bentuk tindakan. Teori ini menekankan pentingnya pengaruh lingkungan sosial dalam pembentukan perilaku individu. Dalam konteks ponteng sekolah, teori ini menyoroti bagaimana pengamatan dan peniruan perilaku dari orang lain, termasuk teman sebaya, dapat mempengaruhi keputusan murid untuk ponteng sekolah (Kearney, 2008).

Terdapat beberapa kajian lampau menyokong teori ini, Palardy dan Rumberger (2008) melihat hubungan antara tindakan guru dan tingkat ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah. Pemerhatian ini menemukan bahawa tindakan guru yang efektif, termasuk memberikan sokongan sosial dan membina hubungan yang positif bersama murid, dapat membantu mengurangi ponteng sekolah. Dalam pada itu, kajian Vitaro, Brendgen, & Tremblay, (2001) mendapati rakan sebaya berhubungan secara langsung terhadap tingkah laku delinkuen pada remaja. Walaupun tidak secara langsung berkaitan dengan ponteng sekolah, kajian ini memberikan gambaran tentang bagaimana pengaruh sosial dan rakan sebaya dapat mempengaruhi keputusan remaja dalam melibatkan diri dengan tingkah laku yang tidak diinginkan, termasuk ponteng sekolah.

Saidi (2010) menyatakan bahawa gejala ponteng merupakan perilaku yang agresif kerana ponteng wujud dari hasil cetusan kebosanan pelajar yang disebabkan faktor keadaan persekitaran sekolah. Selain daripada itu, faktor lain yang menyebabkan gejala ponteng sekolah adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya (Berten & Rossem, 2015; Dahl, 2016) dan faktor keluarga (Breda, 2014; Donkor, 2015; Gase et al., 2016; Saleh & Saidi, 2015; Stevan, 2014; Virtanen et al. 2014). Dalam hal ini, ibu bapa sebagai model utama yang dilihat oleh seorang anak yang akan berkembang menjadi seorang pelajar dan kemudian seorang yang dewasa. Pernyataan tersebut diperkuat dengan pernyataan (Talib et al., 2015) yang menyatakan bahawa gaya asuhan ibu bapa amat berpengaruh terhadap perkembangan anak-anak.

Bandura, (1977) menyatakan bahawa tingkah laku individu mempengaruhi persekitaran dan sebaliknya. Hal tersebut sangat relevan dengan pernyataan Saleh dan Saidi (2015) yang menyatakan bahawa institusi keluarga sangat berpengaruh dan mempunyai peranan yang sangat kuat dalam mencegah salah laku anak. Murid yang mempunyai latar belakang keluarga yang prihatin serta mengambil tahu akan pergerakan atau tindak tanduk anak mereka selalunya

bersikap rasional dan tidak mudah terlibat dengan aktiviti negatif. Bagi murid yang terbiar serta tidak diperdulikan oleh ahli keluarga pula berkecenderungan terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat, contohnya ponteng sekolah, khususnya yang terpengaruh dengan rakan sebaya.

### ***Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Gejala Ponteng Sekolah***

Hasil laporan kajian lampau menampakkan kebanyakan dapatan mencadangkan bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritatif mempunyai kaitan positif dengan kehadiran sekolah, pencapaian akademik, dan keterikatan sekolah, manakala gaya keibubapaan yang tidak terlibat dan kawalan psikologi mempunyai kaitan negatif dengan hasil ini (Al-Hendawi, AlQaisi, Albdour, & Al-Khazaleh, 2020; Garcia-Chacon & Exposito, 2020; Wadhwa & Aggarwal, 2020; Chen, So, & Wong, 2021; Zhang, Xie, Xia, Hu, & Meng, 2021; Jirayucharoensak, Somkotra, & Unhathom, 2021). Selain itu, sangkutan sekolah dan efikasi sendiri akademik didapati menjadi pengantara hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kehadiran ke sekolah dalam beberapa kajian (Kim & Kim, 2019). Penemuan ini mencadangkan bahawa intervensi yang bertujuan untuk menggalakkan amalan keibubapaan yang berwibawa dan meningkatkan keterikatan sekolah dan efikasi sendiri akademik boleh membantu mengurangkan ketidakhadiran sekolah dan meningkatkan hasil akademik dalam kalangan remaja (Kim & Kim, 2019; Al-Hendawi et al., 2020; Garcia-Chacon & Exposito, 2020; Chen et al., 2021; Zhang et al., 2021).

Terdapat beberapa kajian di Malaysia mencadangkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif mempunyai kaitan positif dengan prestasi akademik dan kehadiran ke sekolah, manakala gaya keibubapaan permisif secara negatif berkaitan dengan hasil ini (Ahmad & Wan Mohamed, 2017; Yaakub & Yaacob, 2018). Selain itu, penglibatan ibu bapa didapati mempunyai kaitan positif dengan prestasi akademik dan kehadiran ke sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia (Ahmad & Wan Mohamed, 2017; Abdul-Razak & Zainuddin, 2019). Penemuan ini menyerlahkan kepentingan menggalakkan amalan keibubapaan yang berwibawa dan meningkatkan penglibatan ibu bapa di sekolah untuk mengurangkan ponteng sekolah dan meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia.

### ***Gaya Asuhan Autoritatif***

Baumrind (1971) mendefinisikan gaya asuhan autoritatif sebagai bentuk perlakuan yang mana ibu bapa mudah berinteraksi dengan anak atau remaja dalam membuat sesuatu keputusan keluarga. Mereka melibatkan anak-anak dalam pembuatan peraturan dan keputusan yang sesuai dengan garis panduan hidup yang telah ditetapkan. Gaya asuhan autoritatif memberikan keberanian, kemandirian, dan motivasi kepada remaja dalam menghadapi masa depan. Ia juga membina hubungan sosial yang baik, meningkatkan rasa kepercayaan diri, dan membangun tanggungjawab sosial yang baik (Baumrind, 1971; Santrock, 1995).

Menurut Sudiantha (2014), gaya asuhan autoritatif melibatkan komunikasi yang baik antara anak dan ibu bapa, dan ibu bapa aktif berbincang tentang masalah yang dialami oleh anak. Ibu bapa autoritatif memberikan pujian saat anak berperilaku baik dan mengajarkan anak untuk bertanggungjawab dan berdikari. Sementara itu, Sriyanto et al. (2014), mendefinisikan gaya asuhan autoritatif membentuk perilaku asertif yang ditandai dengan ketegasan, kejujuran, keterbukaan, dan penghargaan terhadap hak-hak orang lain. Gaya asuhan autoritatif, jika diterapkan dengan baik, dapat membentuk karakter dan kepribadian yang baik pada anak (Jirayucharoensak et al., 2021; Wadhwa & Aggarwal, 2020).

Dengan demikian, gaya asuhan autoritatif memberikan pedoman dan batasan yang jelas kepada anak-anak, sambil memberikan mereka ruang untuk berkembang dan mengambil keputusan. Gaya asuhan ini mampu membina komunikasi yang baik, mengembangkan rasa tanggungjawab, dan membentuk kepribadian yang positif pada anak-anak.

### ***Gaya Asuhan Autoritarian***

Gaya asuhan authoritarian adalah suatu bentuk gaya asuhan yang menekankan pada disiplin yang tinggi. Ibu bapa dengan gaya asuhan authoritarian cenderung tegas dan ketat dalam mendidik anak (Baumrind, 1971). Mereka menekankan kepatuhan anak terhadap peraturan yang ditetapkan tanpa banyak penjelasan mengenai maksud peraturan tersebut. Jika anak tidak mematuhi aturan, mereka akan dikenakan hukuman oleh ibu bapa. Ibu bapa authoritarian memiliki keyakinan bahawa pendekatan yang keras dan tegas adalah cara terbaik dalam mendidik anak. Mereka tidak memberikan ruang bagi mendengar pandangan anak, tidak memberikan kesempatan anak untuk mengatur dirinya sendiri, dan selalu mengharapkan anak untuk selalu mendengar dan mengikuti perintah mereka. Akibatnya, remaja yang diasuh dengan gaya asuhan authoritarian cenderung bergantung pada ibu bapa, kurang percaya diri, dan enggan membuat keputusan sendiri kecuali diperintahkan oleh ibu bapa. Gaya asuhan authoritarian memiliki ciri pembatasan dan pemberian penekanan pada disiplin tinggi, dengan ibu bapa yang memaksa anak untuk mengikuti peraturan dan menghormati otoritas ibu bapa (Baumrind, 1971; Santrock, 2007).

Gaya asuhan authoritarian memiliki implikasi negatif pada perkembangan anak. Pemerhatian sebelum ini menunjukkan adanya hubungan signifikan antara gaya asuhan authoritarian dengan gejala ponteng sekolah (Sara & Baba, 2016). Selain itu, Onyango (2015) melaporkan bahwa model gaya asuhan authoritarian memiliki hubungan negatif dengan keterlibatan anak dalam kegiatan sekolah. Dapatan kajian Igbo dan Ihejiene (2014) juga menunjukkan bahwa gaya asuhan authoritarian memiliki pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan ponteng sekolah pada siswa.

### ***Gaya Asuhan Permisif***

Gaya asuhan permisif merupakan bentuk perlakuan ibu bapa yang memberikan kebebasan penuh kepada anak-anak tanpa kawalan. Ibu bapa dengan gaya asuhan permisif membuat peraturan untuk diikuti oleh anak-anak, tetapi jika anak-anak tidak mematuhi peraturan tersebut, ibu bapa akan cenderung mengalah dan mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh anak-anak. Mereka jarang menggunakan ketegasan dan sering kali bersikap lemah lembut saat mendisiplinkan anak. Alasan ibu bapa yang memilih gaya asuhan permisif adalah karena mereka percaya bahwa anak-anak perlu memiliki kebebasan yang luas dan tidak harus dikendalikan oleh orang dewasa (Decey & Kenny, 1997). Namun, anak-anak yang menerima asuhan permisif cenderung tidak matang dalam berbagai aspek psikososial, terutama pada masa remaja (Baumrind, 1975). Gaya asuhan permisif adalah gaya asuhan ibu bapa yang tidak melibatkan anak-anak secara aktif, tetapi tetap memberikan beberapa tuntutan dan kawalan terhadap mereka (Baumrind, 1971; Santrock, 2007). Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif cenderung membiarkan anak-anak melakukan apa pun yang mereka inginkan.

Pemerhatian oleh Muin (2015) menunjukkan bahawa gaya asuhan permisif memiliki pengaruh yang signifikan terhadap hubungan antara lingkungan sekolah dan motivasi pencapaian terhadap perilaku ponteng sekolah pada pelajar. Penelitian lain oleh Igbo dan Ihejiene (2014) mendapati bahawa ibu-ibu di Afrika Selatan yang mengamalkan gaya asuhan permisif memiliki pengaruh yang signifikan terhadap perilaku devian anak-anak mereka. Selain itu,

gaya asuhan permisif juga dikaitkan dengan masalah disiplin dan pencapaian akademik yang rendah, yang dapat menyebabkan perilaku ponteng sekolah (Muin, 2015).

## Metodologi Kajian

### Prosedur Kajian

Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan untuk memperoleh data serta maklumat yang diperlukan. Borang soal selidik telah diedarkan hanya kepada pelajar (responden) terpilih sahaja. Borang-borang soal selidik telah diedarkan oleh penyelidik sendiri dan juga dengan rakan-rakan penyelidik. Walau bagaimanapun, pentadbiran soal selidik telah dilaksanakan oleh kaunselor murid yang bertauliah di 13 buah SMK yang terlibat dalam kajian ini. Sebelum seseorang pelajar itu dipilih untuk terlibat di dalam kajian ini, penyelidik telah terlebih dahulu berhubung dengan pihak pentadbir sekolah (Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, dan Kaunselor sekolah) setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD, KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. Seterusnya, pengkaji bekerjasama bersama Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Kaunselor Murid bagi mengenal pasti murid-murid yang memenuhi ciri-ciri sebagai sampel kajian.

### Pensampelan Kajian

Terdapat 30 buah sekolah menengah dalam negeri Perlis. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengambil kira 23 buah sekolah menengah harian sebagai populasi kajian. Ini bagi mengawal objektiviti data yang mana murid bersekolah di sekolah harian dan bukannya sekolah berasrama penuh, sekolah aliran agama atau kolej vokasional. Seterusnya, daripada 23 buah sekolah menengah harian, pengkaji menetapkan sekolah ponteng tertinggi berdasarkan formula berikut:

$$\begin{aligned} \text{Min} &= \frac{\text{Jumlah Peratus Kehadiran Keseluruhan Sesi Persekolahan Tahun 2022} \\ &\quad (\text{Mac 2022 – Februari 2023}) \text{ bagi 23 buah sekolah menengah harian}}{23 \text{ (bilangan sekolah menengah harian dalam negeri Perlis)}} \\ &= \frac{1914.19}{23} \\ &= 83.24 \end{aligned}$$

Sehubungan dengan itu, hanya 13 buah sekolah (SMK) yang telah dikenal pasti sebagai lokasi kajian bagi mewakili populasi murid sekolah menengah negeri Perlis sebagai sampel kajian. Jadual 1 adalah lokasi sekolah bersama catatan peratus kehadiran yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 2: Senarai Lokasi Kajian dan Min Peratus Kehadiran Sekolah bagi Tempoh Mac 2022 – Februari 2023**

| Bil | Parlimen     | Sekolah                           | Peratus Kehadiran |
|-----|--------------|-----------------------------------|-------------------|
| 1   | Padang Besar | SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah | 82.41             |
|     |              | SMK Datuk Jaafar Hassan           | 78.48             |
|     |              | SMK Padang Besar Utara            | 77.08             |
|     |              | SMK Beseri                        | 76.85             |
| 2   | Kangar       | SMK Kuala Perlis                  | 75.39             |

|   |      |                     |       |
|---|------|---------------------|-------|
|   |      | SMK Syed Sirajuddin | 81.49 |
|   |      | SMK Dato' Ali Ahmad | 81.74 |
|   |      | SMK Syed Alwi       | 80.99 |
| 3 | Arau | SMK Syed Ahmad      | 81.56 |
|   |      | SMK Arau            | 82.91 |
|   |      | SMK Sanglang        | 79.49 |
|   |      | SMK Tengku Budriah  | 79.20 |
|   |      | SMK Syed Saffi      | 80.28 |

Sumber. Sektor Perancangan, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (2023)

Seramai 303 orang murid SMK terlibat di dalam kajian ini. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan untuk memilih sampel kajian, yang mana hanya mereka yang mencatatkan kehadiran ke sekolah di bawah min 83.24 peratus kehadiran untuk tempoh setahun (Mac 2022 – Februari 2023) dan ibu bapa mereka adalah kategori berpendapatan rendah (B40) sahaja yang terlibat di dalam kajian ini.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik PAQ (*Parental Authority Question*) yang disusun oleh Buri (1991). Soal selidik PAQ ini mengandungi Bahagian A (demografi), Bahagian B (pernyataan tentang pengaruh gaya asuhan ibu bapa), dan Bahagian C (pernyataan tentang kecenderungan ponteng sekolah).

**Jadual 3: Soal Selidik PAQ (Parental Authority Question)**

| Bahagian | Aspek                                            | Bilangan Soalan |
|----------|--------------------------------------------------|-----------------|
| A        | Demografi/latar belakang diri                    | 11              |
| B        | Pernyataan tentang pengaruh gaya asuhan ibu bapa | 30              |
| C        | Pernyataan tentang kecenderungan ponteng sekolah | 10              |

### Analisis Data

Statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis jantina, tahap bagi setiap gaya asuhan ibu bapa, umur, dan pekerjaan ibu bapa. Statistik inferensi iaitu regresi linear berganda digunakan untuk menganalisis gaya asuhan ibu bapa yang paling dominan dan signifikan terhadap gejala ponteng sekolah. Semua maklumat dan data yang diperoleh daripada soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 24.0. Data yang dianalisis ialah data kekerapan min dan juga peratusan. Berdasarkan min yang diperolehi maka analisis dilakukan untuk mengetahui korelasi serta regresi bagi menjawab objektif kajian ini.

## Dapatan Kajian

### *Gaya Asuhan Ibu Bapa (Autoritarian, Autoritatif, Permisif) Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah Di Negeri Perlis Yang Terlibat Dengan Gejala Ponteng.*

**Jadual 4: Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Gaya Asuhan Ibu Bapa Murid Sekolah Menengah Negeri Perlis yang Terlibat dengan Gejala Ponteng**

| Gaya Asuhan  | Min              | SP  |
|--------------|------------------|-----|
| Autoritatif  | 2.76 (sederhana) | .68 |
| Permisif     | 2.33 (rendah)    | .75 |
| Autoritarian | 3.47 (tinggi)    | .66 |

Jadual 4 melaporkan tahap bagi setiap gaya asuhan ibu bapa murid sekolah menengah negeri Perlis yang terlibat dengan gejala ponteng. Menurut Birisci et al., (2009), selang min di antara 1 hingga 1.80 menunjukkan tahap yang sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 menunjukkan tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 menunjukkan tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 menunjukkan tahap yang tinggi dan 4.21 hingga 5.00 menunjukkan peringkat sangat tinggi. Dapatan menunjukkan gaya asuhan autoritarian berada pada tahap tinggi ( $M=3.47$ ,  $SP=0.66$ ) adalah lebih dominan berbanding gaya asuhan autoritatif pada tahap sederhana ( $M=2.76$ ,  $SP=0.68$ ) dan gaya asuhan permisif pada tahap rendah ( $M=2.33$ ,  $SP=0.75$ ).

### *Hubungan di antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Gejala Ponteng Sekolah*

**Jadual 5: Analisis Regresi Berganda Hubungan antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Gejala Ponteng Sekolah**

| Gaya Asuhan  | M    | SP  | Ponteng | Autoritatif | Permisif | Autoritarian |
|--------------|------|-----|---------|-------------|----------|--------------|
| Ponteng      | -    | -   | 1       | -           | -        | -            |
| Autoritatif  | 2.76 | .68 | 0.684   | 1           | -        | -            |
| Permisif     | 2.33 | .75 | 0.855   | -           | 1        | -            |
| Autoritarian | 3.47 | .66 | -0.289  | -           | -        | 1            |

\*\* $p<.001$        $N=302$

Analisis regresi berganda telah dijalankan untuk mengenal pasti peramal terbaik pemboleh ubah bersandar dan untuk menunjukkan bahagian varians dalam pemboleh ubah bersandar (ponteng) yang dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas yang dipilih (autoritarian, autoritatif dan permisif). Analisis regresi berganda dalam Jadual 4 menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar ( $p<.001$ ). Pemboleh ubah bebas gaya asuhan ibu bapa autoritatif ( $r=0.684$ ,  $p<.001$ ) dan permisif ( $r=0.855$ ,  $p<.001$ ) menunjukkan pengaruh yang positif terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu ponteng. Sebaliknya, pemboleh ubah bebas iaitu gaya asuhan ibu bapa autoritarian pula menunjukkan pengaruh yang negatif terhadap pemboleh ubah bersandar ponteng ( $r=-0.289$ ,  $p<.001$ ). Multikolineariti adalah andaian penting dalam analisis regresi berganda. Jadual 5 menunjukkan bahawa andaian multikolineariti telah disahkan dengan memeriksa korelasi mudah antara pemboleh ubah bebas yang terpilih dengan pemboleh ubah bersandar. Nilai

*Variance Inflation Factor* (VIF) berada antara nilai 1 dan 10 menunjukkan tiada masalah multikolineariti.

**Jadual 6: Statistik Multikolineariti**

| Gaya Asuhan  | Statistik Kolineariti |       |
|--------------|-----------------------|-------|
|              | Tolerance             | VIF   |
| Autoritatif  | .818                  | 1.222 |
| Permisif     | .673                  | 1.486 |
| Autoritarian | .763                  | 1.311 |

Untuk menentukan peramal yang terbaik di antara pemboleh ubah bebas dalam meramalkan pemboleh ubah bersandar, pekali regresi piawai (*Beta*) telah digunakan. Keputusan analisis mendapati bahawa gaya asuhan permisif mempunyai nilai yang paling besar untuk pekali regresi piawai (*Beta*).

**Jadual 7: Analisis Model Pekali Regresi**

| Model        | Unstandardized Coefficients |            | Standardized Coefficients | Nilai t | Sig  |
|--------------|-----------------------------|------------|---------------------------|---------|------|
|              | B                           | Std. Error | Beta                      |         |      |
| Autoritatif  | .65                         | .040       | .68                       | 16.25   | .000 |
| Permisif     | .75                         | .026       | .86                       | 28.57   | .000 |
| Autoritarian | -.29                        | .054       | -.29                      | -5.24   | .000 |

Berdasarkan Jadual 7, analisis melaporkan bagi pemboleh ubah tidak bersandar pertama dan kedua (gaya autoritatif dan persimisif), ujian adalah signifikan secara statistik ( $t = 16.25$ ,  $Beta = .65$ ;  $p = .000$  &  $t = 28.57$ ,  $Beta = .86$ ;  $p = .000$ ). Bagi pemboleh ubah bebas ketiga (gaya autoritarian), ujian juga signifikan secara statistik ( $t = -5.24$ ,  $Beta = -.29$ ;  $p = .000$ ). Dapatan kajian mencadangkan bahawa ketiga-tiga gaya asuhan adalah peramal yang signifikan terhadap gejala ponteng sekolah. Namun, gaya asuhan permisif bolehlah dikatakan sebagai peramal paling dominan terhadap perlakuan ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Ini diikuti gaya asuhan autoritatif dan autoritarian.

### Kesimpulan dan Perbincangan

Merujuk kepada dapatan kajian ini, ketiga-tiga gaya asuhan diamalkan oleh para ibu bapa murid sekolah menengah negeri Perlis yang terlibat dalam gejala ponteng sekolah. Namun, ketiga-tiga mencatatkan pada tahap yang berbeza. Merujuk kepada tahap gaya asuhan ibu bapa yang disarankan oleh Birisci et al., (2009) bahawa gaya asuhan autoritarian berada pada tahap tinggi, diikuti gaya asuhan autoritatif pada tahap sederhana dan gaya asuhan permisif pada tahap rendah. Dengan demikian, gaya asuhan autoritarian dianggap paling dominan dengan mencatatkan nilai perbezaan min yang ketara antara ketiga-tiga gaya asuhan ibu bapa. Sehubungan dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa bagi murid-murid sekolah menengah yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah di negeri Perlis adalah lebih ramai dalam kalangan mereka mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan Autoritarian.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian dengan isu ponteng sekolah. Ibu bapa yang menggunakan gaya asuhan autoritarian cenderung mempunyai anak yang lebih tinggi kecenderungan untuk ponteng sekolah. Gaya

asuhan autoritarian dikaitkan dengan penggunaan kawalan yang ketat, aturan yang kaku, dan penekanan pada kepatuhan. Harapannya kajian tersebut dapat memberikan pandangan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara gaya asuhan ibu bapa autoritarian dengan isu ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah (Asri & Ramli, 2020).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mendapati bahawa gaya asuhan permisif bolehlah dikatakan sebagai peramal paling dominan terhadap perlakuan ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Gaya asuhan permisif adalah pendekatan dalam pengasuhan anak yang mana ibu bapa cenderung memberikan kebebasan yang tinggi kepada anak-anak mereka tanpa memerlukan batasan atau aturan yang tegas. Gaya asuhan ini dicirikan dengan rendahnya kawalan dan disiplin yang longgar, serta anak-anak memiliki kebebasan dalam mengambil keputusan dan mengatur aktiviti secara sendiri (Darling & Steinberg, 1993). Dengan kata lain, gaya asuhan permisif memberi penekanan pada penghargaan dan penerimaan terhadap keinginan dan keputusan anak. Penting untuk diingat bahwa ada banyak kajian lain yang juga mengkaji topik ini, jadi disarankan untuk melakukan penelusuran lebih lanjut untuk mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif berkaitan gaya asuhan ibu bapa dengan gejala ponteng sekolah.

Dalam konteks kajian ini, sungguhpun tahap amalan gaya asuhan autoritarian adalah lebih tinggi berbanding gaya asuhan permisif tetapi gaya asuhan permisif adalah lebih dominan sebagai peramal terhadap perlakuan ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah di negeri Perlis. Dapatan juga melaporkan hubungan yang negatif dan lemah antara gaya asuhan autoritarian dengan gejala ponteng sekolah. Dengan demikian, hasil dapatan kajian ini agak bertentangan dengan beberapa kajian lampau yang melaporkan bahawa gaya asuhan ibu bapa autoritarian memiliki pengaruh yang signifikan secara positif terhadap gejala ponteng sekolah (Asri & Ramli, 2020; Gloria, 2016; Salikiin et al., 2016; Murtiyani, 2011). Ini mungkin disebabkan faktor latar belakang sampel kajian ini yang terdiri daripada murid-murid ibu bapanya berpendapatan rendah (B40) dan tahap pendidikan rendah yang menjadikan mereka tidak begitu mengambil berat berkaitan aktiviti anak-anak.

Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian lampau melalui analisis regresi menunjukkan gaya asuhan ibu bapa permisif merupakan peramal yang paling signifikan terhadap perlakuan ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah berbanding gaya asuhan Autoritarian dan Autoritatif (Diana Wulandari et al., 2018; Muin, 2015; Pravitasari, 2012). Melalui dapatan kajian ini, boleh dikatakan kebanyakan ibu bapa berpendapatan rendah bagi murid-murid sekolah menengah negeri Perlis lebih cenderung memanjakan anak-anak mereka dengan tidak masuk campur dalam kehidupan anak-anak mereka. Keadaan ini mengakibatkan anak-anak cenderung untuk ponteng sekolah dan mungkin akan terlibat dengan jenayah. Hal tersebut terjadi kerana kurangnya pengawasan dan kawalan dari ibu bapa sedangkan anak-anak pada usia remaja selalunya memiliki rasa ingin tahu yang tinggi serta mudah terpengaruh dengan rakan sebaya, media masa serta keadaan persekitaran yang kurang baik.

Melalui dapatan kajian ini, boleh disimpulkan bahawa proses mendidik anak-anak bukan mudah. Ibu-bapa perlu bijak dalam memilih gaya asuhan yang sesuai untuk memastikan perkembangan positif anak-anak mereka, terutama remaja yang masih bersekolah. Dalam era teknologi dan komunikasi saat ini, anak-anak, terutama remaja, cenderung terpapar dan bergantung pada teknologi, yang mengakibatkan kurangnya komunikasi dengan ibu bapa. Dengan demikian, penting bagi ibu bapa untuk selalu mendekati dan membangun hubungan yang dekat dengan anak-anak mereka. Anak-anak perlu diajak untuk berkomunikasi dalam

membahas masalah atau peraturan di rumah agar terjalin komunikasi yang baik dan sehat. Selain itu, ibu bapa perlu bersikap terbuka dan berkomunikasi dengan pihak sekolah mengenai perkembangan dan perilaku anak-anak mereka di sekolah (Sudiantha, 2014). Kerjasama antara ibu bapa dan pihak sekolah sangat penting untuk kebaikan dan masa depan anak-anak. Bagi ibu bapa yang menerapkan gaya asuhan yang autoritarian, mereka mungkin merasa bahawa anak-anak mereka berada di bawah kawalan mereka. Namun, hakikatnya anak-anak tersebut tetap berani dan tidak ragu-ragu untuk terlibat dalam gejala ponteng sekolah. Sebaliknya, bagi ibu bapa yang cenderung memberikan kebebasan yang berlebihan dan tidak memperhatikan tindakan anak-anak (gaya asuhan permisif), mereka akan menghadapi pelbagai masalah yang dapat mempengaruhi masa depan anak-anak. Oleh kerana itu, ibu bapa perlu diberikan pemahaman yang tepat tentang gaya asuhan yang sesuai.

### Implikasi

Melalui dapatan kajian ini, beberapa implikasi kepada ibu bapa, guru dan pendidik lain dapat diambil. Kajian itu memberi maklumat bahawa mungkin ibu bapa lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kesediaan sebagai intervensi mensasarkan sikap positif terhadap kehadiran anak-anak ke sekolah. Pada masa yang sama guru boleh kekal menyokong kepentingan hubungan ibu bapa dalam membangunkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hadir ke sekolah. Tambahan pula, guru-guru boleh melibatkan ibu bapa dengan aktiviti yang sesuai dengan perkembangan dan menyeronokkan yang boleh membantu menyokong anak-anak dalam pencapaian akademik. Dalam hal ini, penting bagi pihak sekolah untuk melibatkan ibu bapa dalam proses pendidikan dan memberikan informasi yang terkait dengan kehadiran dan disiplin anak-anak di sekolah. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani masalah ponteng di sekolah (KPM, 1995) perlu dijadikan sebagai punca kuasa utama sebagai usaha mengatasi gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah.

Kajian menggunakan data tinjauan untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan ponteng sekolah, mengawal faktor lain yang mungkin mempengaruhi tingkah laku ini, seperti pendapatan keluarga, hubungan rakan sebaya dan iklim sekolah. Dalam pada itu, dapatan kajian ini mampu menyumbang kepada pemahaman kita tentang hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan ponteng sekolah, dan akan memberikan pandangan yang berharga untuk ibu bapa, pendidik dan penggubal dasar tentang cara menangani isu penting ini.

### Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran daripada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE), Perlis, Malaysia. (Geran Jangka Pendek STG-013).

### Rujukan

- Abdul Aziz, A., & Yahaya, S. N. (2020). Parenting styles and truancy among secondary school students in Kelantan, Malaysia. *The Social Sciences*, 15(3), 422–433. <https://doi.org/10.3923/sscience.2020.422.433>
- Abdul Halim Othman & Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2015). Gaya asuhan ibu bapa dan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 141-149.
- Abdul Halim Othman & Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2015). Parenting styles and truancy: A study among secondary school students in Penang, Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 172, 486–493. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.383>

- Al-Hendawi, M. M., AlQaisi, S. A., Albdour, A. A., & Al-Khazaleh, Z. M. (2020). Parenting styles and academic achievement among university students: The mediating role of psychological well-being. *Journal of Psychologists and Counsellors in Schools*, 30(1), 35-48.
- Alias, A., Mahmood, M. N., & Ibrahim, F. (2020). Parenting styles and school truancy: The mediating role of academic self-efficacy. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23(1), 1-15.
- Arshad Abdul Aziz & Sharul Nizam Yahaya. (2020). Gaya asuhan dan gejala ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah di Negeri Kelantan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 21(2), 57-70.
- Asri, A. F., & Ramli, J. (2020). The relationship between authoritarian parenting style and truancy among secondary school students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 647-659.
- Bandura, A. (1977). Social learning theory. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology*, 4(1), 1-103.
- Baumrind, D. (1975). Parental disciplinary patterns and social competence in children. *Youth & Society*, 6(3), 239-276.
- Baumrind, D. (1975). The contributions of the family to the development of competence in children. *Schizophrenia Bulletin*, 14, 12-37. <http://doi.org/10.1093/schbul/1.14.12>
- Berten, H., & Rossem, R. Van. (2015b). Homophily in adolescence: Is similarity in status characteristics associated with similarity in anti-school behavior? *Sage*, 23(1), 76-96. <http://doi.org/10.1177/1103308814557400>
- Bezrukova, O., & Samoylova, V. (2015). The authoritarian syndrome in attitudes and educational practices of Russian parents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 165, 234-240. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.12.627>
- Birisci, S., Metin, M., & Karakas, M. (2009). Prospective elementary teachers' attitudes toward computer and internet use: A sample from Turkey. *World APPLIED Science Journal*, 6(10), 1433-1440.
- Breda, M. J. Van. (2014a). Truants' perceptions of family factors as causes of school truancy and non-attendance. *J Psychology*, 5(1), 47-53.
- Buri, J. R. (1991). Parental authority questionnaire. *Journal of Personality Assessment*, 57(1), 110-119. <http://doi.org/10.1207/s15327752jpa5701>
- Chand, S. P., & Campus, L. (2012). The role of parents in maintaining discipline amongst Form 4 secondary school students in Fiji. *Research Journal of Social Sciences and Management*, (2010), 12-17.
- Chen, B. B., So, W. Y., & Wong, A. K. Y. (2021). Parenting styles and adolescent school performance in Hong Kong: The mediating role of school engagement. *School Psychology International*, 42(1), 45-61.
- Dacey, V. J., & Kenny, M. E. (1997). An examination of authoritative parenting in a Black American sample. *Journal of Black Psychology*, 23(2), 175-190.
- Dahl, P. (2016). Factors associated with truancy: Emerging adults' recollections of skipping school. *Journal of Adolescent Research*, 31(1), 119-138. <http://doi.org/10.1177/0743558415587324>
- Darling, N., & Steinberg, L. (1993). Parenting style as context: An integrative model. *Psychological Bulletin*, 113(3), 487-496
- Decey, J., & Kenny, M. (1997). Adolescent development. USA: Brown & Benchmark Publishers.

- Diana Wulandari, Lee Jun Choi, & Sawan @ Mohammad Syawal Narawi (2018). Pengaruh gaya asuhan ibu bapa terhadap gejala ponteng sekolah. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 9, Issue 2, (February), 11-22.
- Donkor, A. K. (2015). School community partnership mitigates student truancy: The case of a seaman's son in Ghana. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 2(11), 116–128.
- Donoghue, J. (2011). Truancy and the prosecution of parents: An unfair burden on mothers ? *The Modern Law Review*, 2004, 216–244
- Garcia-Chacon, R., & Esposito, F. (2020). Parenting styles and academic achievement: A mediated model through self-esteem and study habits. *Frontiers in Psychology*, 11, 1162.
- Gase, L. N., Defosset, A., Perry, R. et al. (2016). Youths' perspectives on the reasons underlying school truancy and opportunities to improve school attendance. *The Qualitative Report*, 21(2), 299–320.
- Gloria, O. O. (2016). The influence of family factors on delinquent adolescents in secondary school in Edo South Senatorial District of Edo State. *International Journal of Arts and Humanities (IJAH)*, 5(18), 231–243
- Hashim, R. B. C. (2016). Kesejahteraan spiritual dengan penghargaan sendiri remaja ponteng. Universitas Pendidikan Sultan Idris
- Igbo, J. N. (2014). Impact of parental styles on deviant behavior of adolescents. *Nigerian Journal of Education, Health and Technology Research*, 1(1), 222-230.)
- Igbo, J. N., & Ihejiene, N. (2014). Relationship between parenting styles and truancy among secondary school students. *European Scientific Journal*, 10(30), 149-158.)
- Jirayucharoensak, S., Somkotra, T., & Unhathom, M. (2021). Parenting styles and academic achievement among Thai adolescents: The mediating role of self-regulation. *Journal of Child and Family Studies*, 30(3), 626-635.
- Kearney, C. A. (2008). School absenteeism and school refusal behavior in youth: A contemporary review. *Clinical Psychology Review*, 28(3), 451-471.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani masalah ponteng di sekolah.
- Kim, S. Y., & Kim, S. (2019). Parenting styles and adolescent school adjustment: The mediating role of school engagement. *Journal of Child and Family Studies*, 28(9), 2506-2516.
- Mohd Rafie, N. S., & Mohd Daud, S. (2019). Parenting styles and truancy among secondary school students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(7), 275–284. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i7/6154>
- Muin, F. (2015). The influence of permissive parenting, school environment, and achievement motivation on truancy behavior among students. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(3 S4), 91-98.
- Murtiyani, N. (2011). Hubungan pola asuh orang tua dengan kenakalan remaja di rw v kelurahan sidokare kecamatan sidoarjo. *Jurnal Keperawatan*, 1(1), 1–9.
- Nor Shahrina Mohd Rafie & Shafie Mohd Daud. (2019). Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(3), 116-126.
- Nor, K. M., Mahyuddin, R., & Mohamad, M. M. (2016). Parenting styles and truancy among secondary school students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(5), 283–290.
- Nor, S. M., Saad, M. S., & Ismail, Z. (2016). Hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku ponteng sekolah di kalangan remaja. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 27-38.

- Onyango, R. O. (2015). Parenting styles and academic achievement of secondary school students in Kisumu municipality, Kenya. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies*, 6(6), 436-444.
- Palardy, G. J., & Rumberger, R. W. (2008). Teacher effectiveness in first grade: The importance of background qualifications, attitudes, and instructional practices for student learning. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 30 (2), 111-140.
- Pravitasari, T. (2012). Pengaruh persepsi pola asuh permisif orang tua terhadap perilaku membolos. *Educational Psychology Journal*, 1(1), 1-8.
- Saidi, M. H. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Keningau Sabah. (Thesis) Bidang Pengajian Pendidikan, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia
- Saleh, F., & Saidi, Z. A. (2015). Faktor dan peranan institusi keluarga dalam mencegah salahlaku dan devian dalam kalangan remaja. *Proceeding : 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 147-157
- Salikiin, N. M., Amir, R., & Awang, M. M. (2016). Family environment the effects of peer on deviant behavior. In "Cross-cultural education for sustainable regional development " Bandung, Indonesia. (Vol. 2016). Bandung, Indonesia: ICERD 2016
- Santrock, J. W. (1995). Life-span development: Perkembangan masa hidup (alih bahasa Achmad Chusairi dan Juda Damanik) (5 ed). Jakarta: Erlangga.
- Santrock, J. W. (2007). Child development. McGraw-Hill.
- Sara, N., & Baba, M. (2016). The relationship between parenting style and truancy among secondary school students. *Journal of Education and Practice*, 7(8), 6-11.
- Smith, A., Kirchner, E. L. E., Higgins, et al. (2011). Trajectories of parenting styles and delinquency: An examination using a sample of African Americans. *The Open Family Studies Journal*, 4(502), 46-53.
- Sriyanto, Abdulkarim, A., Zainul, A., & Maryani, E. (2014). Perilaku asertif dan kecenderungan kenakalan remaja berdasarkan pola asuh dan peran media massa. *Jurnal Psikologi*, 41(1), 74-88.
- Stevan, F. A. (2014). Analisis masalah ponteng dalam kalangan pelajar india di sekolah menengah melalui kaedah pedagogi hermeneutik. Universitas Pendidikan Sultan Idris
- Sudiantha. (2014). Gaya Asuhan Orang Tua dan Sikap Menolong Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 31(1), 11-20.
- Talib, J., Mohamad, Z., & Mamat, M. (2015). Effects of parenting style on children development effects of parenting style on children development. *World Journal of Social Sciences*, 1(June), 14-35.
- Virtanen, T. E., Lerkkanen, M.-K., Poikkeus, A.-M., & Kuorelati, M. (2014). Student behavioral engagement as a mediator between teacher, family, and peer support and school truancy. *Learning and Individual Difference*, 36, 201-206.
- Vitaro, F., Brendgen, M., & Tremblay, R. E. (2001). Influence of deviant friends on delinquency: Searching for moderator variables. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 29(4), 295-306.
- Wadhwa, H., & Aggarwal, A. (2020). Parenting styles, academic self-efficacy, and academic achievement of adolescents in India: The mediating role of academic motivation. *Journal of Child and Family Studies*, 29(11), 3189-3199.
- Zhang, Q., Xie, F., Xia, Y., Hu, J., & Meng, X. (2021). Parenting styles and school engagement among Chinese adolescents: The mediating role of academic self-efficacy. *Frontiers in Psychology*, 12, 628760.